

FIQH KEPENGGUNAAN DALAM KONTEKS KELESTARIAN KEHIDUPAN: SATU SOROTON AWAL MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

FAKHRI SUNGIT & MOHD ISA MOHD DENI

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

E-mel: fakhri@kuis.edu.my, mohdisa@kuis.edu.my

ABSTRAK

Isu kepenggunaan banyak dibincangkan untuk memastikan hukumnya adalah tepat dengan kehendak wahyu yang dicerap melalui lensa realiti tempat dan masa. Namun di tengah kepesatan kajian ilmiah tentang hukum fiqh kepenggunaan yang bersifat hukum sentrik (*jurisprudence centric*), ruang perbincangan secara objektif sentrik (*maqasidic based centric*) masih terbuka luas agar hasil ijtihad itu lebih praktikal dalam dunia moden yang canggih ini. Kertas kerja ini akan menyorot satu dimensi yang perlu diberikan perhatian iaitu hubungan antara fiqh kepenggunaan dan kelestarian kehidupan. Ironinya, kebanyakan produk makanan halal yang dihasilkan secara skala besar di kilang-kilang tetapi terdedah dengan pencemaran alam sekitar, penjualan perabot yang diperbuat daripada kayu berkualiti tinggi tetapi hutan telah ditebang, dan lain-lain isu berkaitan kelestarian kehidupan yang selalu dikesampingkan. Justeru kertas kerja ini akan membahaskan tiga objektif iaitu (i) mengetahui maksud atau pentakrifan fiqh kepenggunaan dalam ilmu fiqh Islam, (ii) mengenal pasti skop kepenggunaan Islam terhadap kelestarian sistem kehidupan, dan (iii) menganalisis kelestarian kehidupan berasaskan perspektif maqasid syariah. Sorotan awal analisis fiqh kepenggunaan dalam konteks kelestarian kehidupan ini diharap dapat membangunkan satu model hukum-objektif sentrik (*jurisprudence-maqasidic based centric*) melalui kajian lanjutan yang lebih komprehensif dan seterusnya dapat menyumbang kepada ahli hukum dan pembuat dasar dalam memberi solusi terhadap isu-isu fiqh kepenggunaan ini.

Kata kunci: *fiqh, kepenggunaan, kelestarian, maqasid, syariah*

PENDAHULUAN

Isu kepenggunaan banyak dibincangkan secara meluas dalam konteks ekonomi dan sosial. Tidak ketinggalan isu ini juga dibincangkan oleh sarjana hukum Islam kerana ianya sangat terkait dengan hukum fiqh dan persektif syarak. Wacana fiqh kepenggunaan tidak terhad ianya sering dibincangkan secara akademik melalui penulisan ilmiah dan seminar-seminar, malah juga melalui media. Menurut Jamaluddin (2011) beliau menyatakan isu-isu kepenggunaan sering dibincangkan dalam media massa mahupun media cetak.

Seringkali perbincangan fiqh kepenggunaan membahaskan hukum hakam yang melibatkan alat-alat atau perkakasan yang digunakan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian. Hukum-hukum ini semakin kompleks apabila perkembangan sains dan teknologi telah memainkan peranannya dalam gaya hidup seharian manusia. Menurut Shahidan (2004), di antara isu tersebut adalah penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (*bone ash*) yang diperbuat daripada serbuk tulang babi, makanan terubahsuai secara genetik melibatkan pemindahan gen-gen yang halal dan juga tidak halal sama ada dari haiwan dan juga tanaman, penggunaan vaksin biothrax dan vaksin rotateq yang menggunakan unsur babi, penggunaan Pneumatic Percussive Stunning dalam sembelihan lembu dan binatang halal, kaedah thoracic sticking dalam sembelihan haiwan, penggunaan electrical stunning dalam penyembelihan lembu, penggunaan bakteria yang diambil daripada najis bayi sebagai agen pemangkin dalam yogurt, penyuntikan hormon FSH-P tersebut kepada binatang ternakan yang halal untuk tujuan pembiakan, penggunaan alkohol dalam produk minuman, makanan, pewangi dan ubat-ubatan, pemprosesan wine vinegar yang dicampur dengan bahan-bahan sintetik, ternakan ikan yang diberi makanan najis dan kotoran bersumberkan khinzir serta

organnya, penternakan ayam yang diberi makanan dan suntikan hormon bersumberkan khinzir untuk tujuan menggemukkan, penggunaan new water daripada sisa kumbahan yang dirawat dan diproses kembali sebagai air bersih dan seumpamanya.

Namun di tengah-tengah kepesatan ahli hukum dalam meneliti fiqh dan ijtihad semasa terhadap hukum hakam kepenggunaan, perbincangan ilmiah terhadap konteks kelestarian kehidupan melalui skop yang lebih makro agak kurang ditonjolkan. Persoalan besar daripada tajuk perbahasan ini ialah adakah setiap hukum yang diijtihadkan halal itu mempunyai kredit yang tinggi terhadap kesan kelestarian kehidupan yang mempunyai ekosistemnya yang tersendiri? Adakah hukum itu mengambil kira faktor etika yang mempengaruhi kesan makro di dalam sistem kelestarian kehidupan? Kajian yang lebih mendalam terhadap perkara ini amat penting dilaksanakan untuk mengenal pasti kesenjangan pemikiran yang wujud antara hukum sentrik (*jurisprudence-centric*) dan objektif sentrik (*maqasidic-based centric*) dalam konteks kepenggunaan dalam Islam.

Dalam kertas kerja ringkas ini, penulis akan membuat sorotan awal dalam mengembangkan perbahasan fiqh kepenggunaan melalui dimensi kelestarian kehidupan dengan mengambil kira kesan-kesan kepada sistem nilai berasaskan analisis prinsip di dalam maqasid syariah. Oleh yang demikian, objektif penulisan kertas kerja ini adalah seperti berikut, (i) mengetahui maksud atau pentakrifan fiqh kepenggunaan dalam ilmu fiqh Islam, (ii) mengenal pasti skop kepenggunaan Islam terhadap kelestarian sistem kehidupan, dan (iii) menganalisis kelestarian kehidupan berasaskan perspektif maqasid syariah.

KEPENGGUNAAN DALAM FIQH

Di dalam Kamus Dewan (2013), kepenggunaan berasal daripada perkataan guna yang bermaksud segala hal mengenai pengguna barang-barang dan lain-lain. Sementara perkataan penggunaan pula bererti perihal (perbuatan, kegiatan dan lain-lain) dan pemakaian (barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan dan sebagainya). Dalam bahasa Inggeris, keduanya diterjemahkan sebagai *consumerism* dan *consumption* (Mahaiyadin, t.t.). *Consumerism* mempunyai beberapa pengertian iaitu gerakan yang melindungi kepentingan pengguna atau suatu teori yang menyatakan pertambahan penggunaan barang merupakan suatu yang berfaedah kepada ekonomi (The free dictionary, 2013). *Consumption* pula bererti penggunaan tenaga, barang seperti hasil pertanian, perusahaan dan lain-lain. Di dalam Kamus Dwibahasa (1999) pula diterjemahkan *consumer* sebagai pengguna barang-barang dalam bahasa Melayu.

Dalam bahasa Arab, kepenggunaan diterjemahkan sebagai *istihlak* dan *istihlakiyyah*. *Istihlakiyyah* bermaksud penjagaan terhadap pengguna dan juga sebuah teori ekonomi yang menggalakkan penggunaan barangan (Al-Baalbaki, 1996). *Istihlak* adalah kata terbitan *istahlaka*. Apabila disebut *istahlaka al-mal*, bermaksud seseorang itu telah membelanjakan harta dan menghabiskannya (Ibrahim et al., t.t.). Sebutan *ahlaka al-mal* bermaksud seseorang telah menjual harta miliknya. Ringkasnya, kalimah *istihlak* mencakupi beberapa makna seperti *al-nafad* (menghabiskan), *al-infaq* (membelanjakan), *bazl al-juhd* (berusaha sedaya upaya) dan *al-bay'* (menjual) (Mahaiyadin, t.t.). Perkataan tersebut turut mencakupi makna perbelanjaan, pembelian, penggunaan sehingga habis, pemuasan, pemborosan, pembaziran dan pemusnahan (Al-Rummani, 1994).

Manakala dalam Islam, kepenggunaan adalah berdasarkan kepada prinsip halal dan haram seperti mana yang dijelaskan di dalam sumber utamanya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Seperti dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

۱۶۸ يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”. (al-Baqarah: 168).

Kebanyakan para ulama bersetuju bahawa semua makanan yang halal dan baik itu mempunyai sifat yang bersih, suci dan boleh diambil. Manakala lawan kepada halal ialah haram iaitu apa yang diharamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan al-Sunnah di mana kebanyakan membawa kepada keburukan, tidak bermanfaat, membawa kerosakan dan kebinasaan (Sungit, 2020).

Berdasarkan kepada konsep di atas, dapat disimpulkan secara umumnya kepenggunaan Islam boleh ditakrifkan sebagai penggunaan seseorang terhadap sesuatu benda, barangan, manfaat dan juga perkhidmatan, yang bertepatan dengan kaedah-kaedah syarak untuk memenuhi masalah hidupnya. Namun, penulis beranggapan dimensi kelestarian kehidupan juga perlu menjadi salah satu unsur penting dalam mendefinisikan kepenggunaan Islam. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini tidak bertujuan untuk menghasilkan definisi yang baru bahkan cuba membuka ruang perbincangan hubungan antara kepenggunaan dan kesannya terhadap kelestarian kehidupan berpandukan kepada perspektif al-Quran.

Elemen Dalam Kepenggunaan

Menurut Jamaluddin (2011), dalam kepenggunaan terdapat tiga elemen asas, iaitu pengguna (pembeli), pengusaha (pengeluar) dan produk (barangan dan bukan barangan). Ketiga-tiga elemen utama ini saling berkait rapat antara satu sama lain untuk memastikan ia berfungsi dengan baik dalam pasaran. Ia boleh dilihat dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Hubungan antara Pengusaha, Produk dan Pengguna
Sumber: Jamaludin, M. A., et. al. (2011)

Berdasarkan Rajah 1, pengusaha dan pengguna merupakan pemegang taruh yang memainkan peranan penting dalam pasaran penawaran dan permintaan produk atau barangan guna. Secara umumnya, ia bermula daripada pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran, peruncitan dan perkhidmatan perniagaan produk. Dalam isu fiqh kepenggunaan, perkara yang biasanya menjadi perhatian ahli hukum ialah untuk menetapkan hukum terhadap produk yang dihasilkan kerana ianya berkaitan dengan perkara halal dan haram di dalam Islam. Lebih-lebih lagi, dalam keadaan faktor masa dan tempat, ijtihad baru perlu dilakukan kerana produk yang dihasilkan dipengaruhi oleh sains dan teknologi, di mana sesuatu produk itu ialah perkara baru dan tidak wujud pada zaman yang terdahulu. Dinamisme sains dan teknologi ini memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan ketepatan hukum dan dibuat dengan lebih efektif. Hakikat ini ditegaskan oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2001) yang mana aplikasi Syariah Islam dalam sejarah membuktikan kemungkinan boleh dilakukan pembaharuan hukum berdasarkan berlakunya perubahan masa dan tempat.

Tambahan pula, umat Islam khususnya di Malaysia amat menitik beratkan soal halal dan haram sesuatu produk. Menurut Surathman (1993) pengguna Muslim adalah pengguna yang istimewa dan berbeza dengan pengguna-pengguna lain dari segi kehendak, jenis, kuantiti dan kualiti barang yang akan digunakan dan matlamat penggunaannya. Mereka juga tertakluk kepada panduan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan Sunnah. Oleh yang demikian, agensi kerajaan seperti JAKIM merupakan institusi Islam yang berautoriti dalam mengesahkan sesuatu produk itu telah melalui proses pembuatan yang halal dan menyediakan sijil halal untuk keyakinan umat Islam. Kepenggunaan yang halal menyentuh pelbagai aspek pengeluaran, bermula daripada sumber bahan diperolehi, cara pemprosesan dan penyediaan, pembungkusan, pengangkutan, penyimpanan sehinggalah produk tersebut dipasarkan. Semua unsur tersebut perlu diambil kira dalam memastikan status barangan tersebut jelas. Barangan yang dihasilkan khususnya makanan, bukan sekadar selamat (*food security*) tetapi mematuhi piawaian syariah (halal).

Walau bagaimanapun, terdapat satu dimensi yang perlu diberi penekanan khusus terhadap ijtihad semasa dengan mengambil kira kesan terhadap kelestarian kehidupan seperti penjagaan alam sekitar, penjagaan kehidupan dan rantaian haiwan dan binatang, kesan rumah hijau, perubahan cuaca (*climate change*) dan lain-lain. Walau pun secara fiqh, hukum sesuatu produk akhir itu adalah halal, namun persoalan penting iaitu adakah aspek pengeluaran hinggalah produk itu dapat dipasarkan menjamin kelestarian kehidupan umat manusia sejagat?

Dalam membentuk ijtihad kontemporari, para sarjana hukum Islam hendaklah berada dalam kerangkanya yang sebenar. Iaitu dengan memahami konsep semasa yang kontemporari dari akar umbinya hingga ke pucuknya. Bukannya mencanangkan pandangan fuqaha' secara luarannya sahaja dengan tidak melibatkan fungsi asasnya sebagaimana yang dinamakan oleh Mahmood Zuhdi sebagai "perubahan secara kosmetik" (Mahmood Zuhdi, 2001).

Sebagai kesimpulan, ijtihad kontemporari lebih melihat kepada faktor peredaran zaman yang menjadi sebab perlunya keanjalan pemahaman terhadap data pasang siap. Penyelesaiannya berasaskan realiti semasa dan diselesaikan oleh para ulama semasa dengan melihat secara keseluruhan bermula daripada hukum fiqh yang zahir sehinggalah kesan-kesan yang menolak kemudaran melalui analisis kelestarian kehidupan umat manusia.

SKOP KEPENGGUNAAN TERHADAP KELESTARIAN KEHIDUPAN

Isu kelestarian alam sekitar tidak dibincangkan secara tuntas bagi sebahagian agamawan dan masyarakat Islam secara amnya. Ini disebabkan perbincangan agama lebih terarah kepada isu yang lebih sensasi seperti isu sensitiviti agama dan hukum-hukum furu' yang mendapat perhatian masyarakat berbanding isu alam sekitar itu sendiri. Hampir kebanyakan kuliah atau ceramah agama berlegar kepada tema hukum dan ibadat khusus sahaja. Ini menjadikan isu alam sekitar menjadi sepi dan dianggap sebagai isu yang tidak penting atau hanya terkait kepada isu moral atau sosial semata-mata (Muhammad Ghufraan: 2010). Sedangkan isu kelestarian alam sekitar adalah isu Syariah yang perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat Islam. Kefahaman masyarakat terhadap ilmu maqasid Syariah yang rendah juga menjadi sebab mengapa isu kelestarian alam sekitar ini tidak menjadi agenda penting umat Islam kerana ilmu ini mampu mendidik masyarakat mengetahui bagaimana untuk meletakkan keutamaan dan kedudukan sesuatu perkara itu di dalam neraca Syariah (Sungit, 2021).

Interaksi antara manusia dan alam sekitar adalah sangat penting kerana manusia mampu mengambil manfaat yang besar daripada kejadian alam ini. Namun ianya akan sia-sia jika kekuatan akal fikiran yang diberikan oleh Allah tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Akal fikiran mampu menjadikan manusia memahami cara yang betul untuk berinteraksi dengan alam dan menguruskannya dengan sempurna. Fenomena alam ciptaan tuhan adalah cerminan kasih sayang Allah kepada hambaNya untuk mereka menginsafi tentang kewujudan diri mereka melalui kekuatan akal yang sihat. Firman Allah Taala:

۷۹ ۞ وَهُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

“Dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan, dan Dialah yang (mengatur) pertukaran malam dan siang. Maka apakah kamu tidak memahaminya?” (Al-Mu'minun: 79)

Berasaskan kepada kefahaman ayat di atas, maka amat penting bagi umat Islam dalam menguruskan alam dan menggunakan sumber-sumbernya dengan cara yang benar dengan menggunakan kekuatan akal fikiran agar prinsip kepenggunaan itu akan memberikan manfaat besar kepada umat manusia di samping menghindarkan daripada berlakunya kerosakan dan kemusnahan. Di dalam bahagian ini, penulis akan membahaskan beberapa skop kepenggunaan terhadap kelestarian sistem kehidupan.

Proses Amalan Perkilangan yang Merosakkan Alam Sekitar

Kepenggunaan bermula daripada proses penyediaan sesuatu produk. Dalam konteks moden, pengeluaran banyak dilakukan dengan menggunakan amalan perkilangan sebagai cara untuk menyediakan sesuatu produk dengan skala yang besar. Tidak dinafikan umumnya di Malaysia, produk-produk yang dihasilkan akan mendapatkan pengesahan halal daripada JAKIM untuk memastikan produk mereka adalah halal dan memberi keyakinan kepada masyarakat Islam. Namun persoalan muncul adakah amalan perkilangan mengambil kira kepentingan terhadap alam sekitar? Selain itu, adakah produk yang berasaskan kayu dan balak seperti perabot, rumah dan sebagainya dikawal kuantiti pengeluarannya? Bagaimana pula dengan minyak mentah yang digali mencukupi untuk kegunaan pada masa hadapan? Tidak ketinggalan dalam isu perbankan dan kewangan Islam, sejauh mana pembiayaan daripada institusi kewangan menilai pembiayaan yang memberi kesan kepada kelestarian kehidupan?

Di dalam hadith juga Rasulullah SAW sentiasa memberi ingatan supaya menjaga kelestarian alam sekitar melalui perbuatan yang baik dan beradab. Terdapat perbuatan-perbuatan kecil manusia jika tidak dicegah akan memberikan kerosakan besar kepada manusia.

Rasulullah SAW ada bersabda mafhumnya: *"Takutlah (jauhilah) kalian kepada tiga perkara yang menyebabkan kalian dilaknat iaitu membuang hajat di tempat-tempat sumber air, di tempat berteduh serta di tengah-tengah jalan."* (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Di dalam hadith yang lain Baginda juga ada bersabda: *"Takutlah (jauhilah) dua perbuatan terkutuk." Sahabat bertanya: "Apakah kedua perbuatan itu, wahai Rasulullah?" Jawab baginda: "Orang yang membuang hajat di jalan tempat orang ramai melintas atau di tempat mereka berteduh (seperti di bawah pokok)." (Hadis riwayat Muslim)*

Peringatan daripada Rasulullah SAW ini menunjukkan betapa Islam amat mementingkan kebersihan alam sekitar. Apatah lagi melibatkan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti jalan, tempat berteduh, sumber air dan sebagainya. Maka manusiadilarang mengotori tempat-tempat tersebut kerana perbuatan mencemarkannya menjadi punca berlakunya masalah yang menjejaskan ekosistem alam dan juga hubungan kemanusiaan.

Walaupun perbuatan-perbuatan tersebut boleh dianggap sebagai perkara yang kecil, namun jika ianya tidak dicegah, ianya akan mengakibatkan kesan yang buruk yang lebih besar kepada kehidupan manusia pada masa akan datang. Pada hari ini kerakusan manusia yang melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan alam sekitar boleh dilihat dengan aktiviti seperti pembalakan, pembuangan sisa-sisa toksik ke sungai dan laut, melepaskan asap-asap yang berlebihan dan beracun daripada industri perkilangan, meratakan bukit dan tanah, aktiviti pembangunan yang tidak terancang dan sebagainya. Apakah semua aktiviti seperti ini diizinkan daripada neraca Islam? Jika manusia mengetahui kesan buruk yang bakal berlaku jika aktiviti kerosakan alam ini berterusan, maka mengapa ianya masih berlaku dan berterusan? Di dalam al-Quran Allah Taala berfirman:

۱۹۵ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

"... dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan ..." (al-Baqarah: 195)

Pembukaan Tanah Tanpa Kawalan untuk Pembangunan

Dewasa ini juga kita sering didedahkan dengan berita dan isu-isu pembalakan, tarahan bukit-bukau, pembukaan tanah tanpa kawalan semata-mata untuk dimajukan dengan mendirikan kawasan atau bandar baru. Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar pada Tahun 1997, daripada 117 sungai di Malaysia didapati 59 sungai agak tercemar dan 13 sungai paling tercemar akibat daripada pembangunan yang pesat dan pencerobohan kawasan-kawasan sensitif yang tidak sepatutnya dicerobohi manusia seperti kawasan tadahan air, kawasan hutan dan hidupan liar (Chan, 2004). Sehubungan dengan itu, aktiviti guna tanah seperti pembersihan hutan, pembinaan jalan, pembinaan bangunan dan sebagainya adalah aktiviti yang boleh menyebabkan kemerosotan kualiti sumber air seperti mana yang berlaku ke atas Sungai Telom dan Sungai Bertam di Cameron Highlands (Weng et al., 2011; REACH, 2006).

Aktiviti pembangunan tidak terkawal menyebabkan sistem alam akan terganggu dan tidak seimbang. Noor Syakirah (2004) menyatakan konsep al-Mizan adalah sistem alam yang mengambil kira hubungan antara setiap unsur alam dan juga sesama makhluk khususnya peranan yang dimainkan oleh manusia selaku khalifah di alam ini. Sistem yang telah diwujudkan oleh Allah ini tidak akan terjejas sekiranya kerakusan dan sifat manusia dalam mengeksploitasi alam melalui aktiviti pembangunan yang melebihi batasnya dapat dielakkan. Ini kerana sistem inilah yang membentuk keseimbangan menerusi unsur-unsur tertib, harmoni dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain (Sungit, 2020).

Secara fitrahnya, kesemua makhluk ciptaan Allah di langit dan di bumi bergerak mengikut peraturan sunnatullah. Peraturan ini memberi panduan kepada manusia untuk melaksanakan perintah Allah dan meneruskan kehidupan dengan mengambil manfaat daripada peraturan alam. Di dalam surah al-Hajj Allah Taala berfirman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفَلَكَ تَجْرَى فِي الْبَحْرِ بِأَمْرٍ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ اللَّهَ ٦٥
بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَّحِيمٌ

“Apakah kamu tiada melihat bahwasanya Allah menundukkan bagimu apa yang ada di bumi dan bahtera yang berlayar di lautan dengan perintah-Nya. Dan Dia menahan (benda-benda) langit jatuh ke bumi, melainkan dengan izin-Nya? Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada Manusia.” (Al-Hajj: 65)

Manusia amat bergantung harap dan memerlukan keseimbangan alam untuk kemudahan manusia dalam menempuhi kehidupan di dunia ini. Keseimbangan alam akan berlaku sekiranya manusia patuh dengan ajaran Islam sebenar dengan tidak melakukan kerosakan ke atasnya. Setiap ciptaan Allah mempunyai ukuran yang sangat seimbang dan sekiranya berlaku sedikit perubahan maka berlakulah ketidakseimbangan kepada kehidupan alam secara keseluruhannya. Allah berfirman:

٤٩ قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ

“Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran.” (Al-Qamar: 49)

Bencana alam boleh berlaku seperti banjir, jerebu, tanah runtuh dan lain-lain di mana ianya boleh memberikan ancaman kepada nyawa manusia secara amnya. Fenomena bencana alam yang berlaku adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia itu sendiri yang tidak menghargai alam sekitar dengan melakukan kerosakan kepadanya. Dalam surah al-Rum Allah Taala berfirman:

٤١ ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

“Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”. (al-rum: 41)

Penghasilan Produk yang Mewah dan Berlebihan

Kewujudan media sosial hari ini mempengaruhi gaya dan cara hidup masyarakat secara keseluruhannya. Terdapat sebilangan usahawan yang menggunakan platform media sosial untuk mengiklankan produk mereka dengan pelbagai cara. Pengiklanan yang memperkenalkan cara hidup moden, mewah dan berlebih-lebihan digunakan sebagai taktik dan strategi perniagaan untuk melariskan produk jualan mereka. Ini akan menyebabkan masyarakat akan terikut-ikut budaya bermewah-mewah demi memenuhi keinginan nafsu semata-mata. Dalam hal ini, Allah SWT menyeru kepada manusia supaya bersederhana dan tidak berlebih-lebihan. Firman Allah SWT:

﴿ ۳۱ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ﴾

“...makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau...” (al-A’raf:31)

Walaupun Islam sangat mementingkan kelestarian dan penjagaan alam sekitar, namun itu tidak bermakna bahawa Islam juga tidak mementingkan pembangunan. Islam juga menggalakkan pembangunan tetapi ianya mestilah berpaksikan kepada asas prinsip kesederhanaan untuk kelangsungan kehidupan dan ekosistem alam sekitar. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya kesederhanaan itu sebahagian daripada iman.*” (HR Abu Daud)

Kesederhanaan dalam kehidupan juga membuktikan bahawa kita bersyukur atas setiap perkara yang dikurniakan Allah SWT. Kita bersyukur dengan apa yang dimiliki termasuk nikmat yang Allah kurniakan dengan penciptaan alam. Seharusnya, semakin kita fokus kepada perkara yang kita miliki, semakin kita sedar bahawa kita sepatutnya bersyukur dengan apa yang dimiliki. Kesederhanaan di dalam Islam dibina atas keyakinan bahawa dunia ini adalah tempat persinggahan yang sementara dan menuju ke akhirat yang kekal abadi. Pesan Rasulullah SAW kepada Abdullah Bin Umar: “*Jadikanlah (hidupmu) di dunia ibarat seorang tamu atau pengembara yang sedang singgah di tengah perjalanan.*” (HR Imam Bukhari).

Di dalam Islam, konsep kesederhanaan diambil daripada kalimah di dalam al-Quran iaitu *wasata*. Allah Taala berfirman:

﴿ ۱۴۳ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ﴾

“*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia..*” (al-Baqarah: 143)

Pengertian wasatan di dalam ayat di atas mengikut pandangan Sayyed Qutb, “Umat Islam adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.” Wasatan juga diertikan dengan adil dalam erti kata meletakkan sesuatu pada tempatnya. Pasti sesuatu yang adil itu adalah bersifat sederhana antara dua pihak yang melampau. Di dalam bahasa Arab wasatan juga membawa erti adil iaitu benar, lurus dan betul (Haron Din: 1990).

Begitu juga dengan sifat membazir yang digambarkan sebagai saudara kepada syaitan. Pembaziran juga adalah lawan kepada sifat sederhana. Allah SWT berfirman:

٢٧ إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

“*Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya.*” (al-Isra’: 27)

Apa yang digambarkan di dalam ayat al-Quran di atas bahawa sifat boros atau membazir adalah satu perbuatan yang hina dan dicela oleh Allah SWT di mana ianya juga membawa kepada sifat melampaui batas. Hasilnya kerosakan akan berlaku dan ianya perlu ditanggung oleh manusia itu sendiri di atas sikap tersebut. Oleh yang demikian, kesederhanaan adalah merupakan cerminan daripada asas pemikiran atau tasawwur Islam terhadap pembangunan dalam kehidupan manusia.

KERANGKA FIKIR MAQASID SYARIAH TERHADAP KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Tujuan pensyariaan sesuatu hukum itu adalah untuk memelihara dan mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Dalam konteks fiqh kepenggunaan, hukum sesuatu perkara itu tidak harus diterhadkan kepada zat itu semata-mata, namun perlu dilihat secara keseluruhan dan lengkap dengan kesan-kesan yang boleh memusnahkan kelestarian kehidupan itu sendiri. Di dalam undang-undang, melakukan kerosakan alam boleh dianggap sebagai jenayah alam sekitar dan menjadi satu kesalahan. Oleh itu, pihak berkuasa dan orang ramai hendaklah memerangi aktiviti kerosakan alam secara berleluasa dengan memberikan hukuman yang setimpal kepada pesalah. Menurut undang-undang alam sekitar, seksyen 25 AKAS bagi kesalahan membuang bahan yang mengotorkan ke dalam sungai dan ia membawa hukuman denda RM1000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan (Mohd. Bakri & Azmi: 2007).

Sudah tentu undang-undang tentang kerosakan alam sekitar ini perlu diwujudkan supaya penjagaan kepada daruriyyat akan terpelihara seperti yang digariskan dalam kerangka fikir maqasid Syariah. Bahkan undang-undang kerosakan alam sekitar hendaklah diperkasakan dan menambah hukuman kepada pesalah yang secara sengaja merosakkan alam sekitar di atas keuntungan peribadi. Oleh itu, kepenggunaan yang mengorbankan kelestarian kehidupan juga boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam ijtiyah terhadap fiqh kepenggunaan kerana kesan kerosakan yang diterima bukan sahaja kepada individu tetapi kepada msyarakat secara keseluruhannya. Berikut merupakan kerangka fikir maqasid syariah terhadap pemeliharaan dan kelestarian kehidupan melalui *daruriyyat al-khams*.

Memelihara Agama

Objektif tertinggi kehidupan manusia adalah untuk menjadi hamba Allah yang taat pada perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya yang membawa kepada konsep taabbudi. Usaha menjaga kelestarian alam juga adalah seumpama menjaga agama. Kemusnahan alam membawa kepada kerosakan jiwa yang boleh mengganggu intipati hidup beragama. Tauhid yang sempurna bukan terhad kepada pengucapan iman semata-mata bahkan perlu dikukuhkan dengan pembuktian manifestasi iman tersebut melalui amal soleh dengan mematuhi segala perintah Allah serta menghadirkan sifat ihsan yang berperanan sebagai pemantau dan pengawas dalam setiap perbuatan (Khairul Azhar: 2018).

Larangan melakukan kerosakan alam sekitar seperti yang terdapat di dalam 16 ayat di dalam al-Quran (Imaduddin & Noor Shakirah: 2016) adalah merupakan suatu tuntutan wajib untuk menolak kerosakan yang diamanahkan kepada manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Oleh kerana itu, prinsip kehambaan atau taabbudi adalah matlamat tertinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab memelihara dan melestarikan alam sekitar. Perbuatan melampaui batas seperti pembalakan, mengotori sungai atau pencemaran di darat dan di laut adalah menunjukkan sifat keangkuhan manusia kepada Allah dan ianya adalah lawan kepada sifat taabbudi atau mengingkari suruhan dan larangan Allah Taala.

Memelihara Nyawa

Pemeliharaan alam sekitar berkait rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri. Manusia sangat bergantung harap kepada ekosistem yang seimbang kerana ianya menjadi sumber kehidupan yang asasi kepada manusia. Pencemaran, kerosakan alam sekitar, pengurangan sumber dan ketidakseimbangan alam akan membahayakan hidup manusia. Ianya juga diibaratkan seperti membunuh jiwa manusia yang lain juga. Di dalam al-Quran Allah SWT menggambarkan bahawa membunuh jiwa seorang manusia seperti membunuh manusia keseluruhannya.

Manusia dan semua kehidupan di alam ini amat memerlukan udara sebagai sumber kehidupan. Tanpa bekalan udara yang mencukupi manusia akan mengalami kesukaran bernafas sehingga boleh meragut nyawa. Udara membekalkan oksigen yang sangat diperlukan manusia untuk pernafasan dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Kemusnahan dan kerosakan alam sekitar untuk tujuan pembangunan dan sebagainya boleh dianggap sebagai pembunuhan secara tidak langsung terhadap manusia dan hidupan lain yang terkesan dengan tindakan tersebut. Maka, sebarang projek pembangunan yang direncanakan sewajarnya melalui proses dan prosedur penilaian risiko yang rapi bagi menilai kesan projek tersebut terhadap alam sekitar dan hidupan persekitaran (Smith: 1996). Selain itu juga semua pihak hendaklah jujur dalam merencanakan pembangunan di satu-satu tempat dengan mengambilkira kesan kemusnahan alam sekitar dan tidak memikirkan keuntungan jangka masa pendek semata-mata. Walaupun ada kesan manfaat kepada kehidupan manusia namun terdapat juga kerosakan yang boleh mengganggu gugat ekosistem kehidupan secara keseluruhannya.

Memelihara keturunan

Menjaga alam sekitar juga sama seperti menjaga keturunan. Penyelewengan dan kerosakan terhadap alam sekitar seperti meneroka dan mengambil hasil bumi secara berlebihan yang menjadi hak milik generasi akan datang dianggap sebagai mengancam kelangsungan hidup keturunan masa depan. Kerana itu sangat penting untuk mengamalkan konsep kesederhanaan dalam kehidupan dan tidak melampaui batas.

Sekiranya kita bertanggungjawab terhadap pendidikan, kesihatan, moral dan akhlak generasi akan datang, maka pastinya kita juga bertanggungjawab terhadap gejala-gejala yang boleh merosakkan alam sekitar yang akan menjadi penyebab kepada rosaknya kehidupan keturunan masa hadapan.

Memelihara Harta

Dapat difahami bahawa pemeliharaan harta adalah bertujuan untuk menjaga hak pemilikan harta seseorang yang datang daripada hasil kerja dan penat lelahnya untuk meneruskan kehidupan di masa hadapan. Dalam konteks ini harta dilihat lebih dekat dengan wang ringgit, emas dan harta fizikal yang lainnya. Begitu juga dgn bumi, pokok, tanaman, binatang ternak, tempat tinggal, pakaian dan segala benda keperluan manusia juga adalah harta.

Harta di dunia ini adalah bersifat sementara dan perlu diuruskan dengan baik demi kelangsungan hidup manusia untuk generasi yang seterusnya. Oleh itu penebangan pokok yang berleluasa, menarah bukit dan tanah untuk pembangunan, membuang sisa toksik ke sungai-sungai juga dianggap tidak memelihara harta kerana ianya akan mengakibatkan kemusnahan dan kehabisan sumber alam. Harta seperti ini sangat penting untuk generasi yang akan datang.

Oleh itu, pengawalan terhadap aspek pemuliharaan dan pemeliharaan sumber-sumber alam semula jadi merupakan perkara yang berkaitan rapat dengan kehidupan manusia itu sendiri. Penggunaan dan pemanfaatan sumber alam secara berhemah, terancang dan lestari perlu diutamakan bagi memastikan kestabilan dan keseimbangan sistem alam sekitar. Sebarang tindakan yang berpotensi mengakibatkan kehabisan dan kemusnahan sumber alam perlu dielakkan seperti penerokaan dan pembukaan tanah baru tanpa kebenaran, pencemaran sumber air mentah, pengeluaran bahan-bahan galian tanpa kawalan, pembalakan dan pembakaran hutan, pembangunan secara tidak terancang, pelepasan asap dan gas berbahaya ke udara, pencerobohan alam semula jadi dan seumpamanya (Jasiman Ahmad: 2003). Semua aktiviti yang merosakkan alam sekitar ini adalah merupakan suatu pencabulan terhadap harta yang perlu ditinggalkan untuk generasi manusia akan datang.

KESIMPULAN

Ketas kerja ini bertujuan untuk menyorot perbincangan awal tentang pembinaan hukum berkaitan fiqh kepenggunaan yang tidak diterhadkan kepada permasalahan zat yang zahir semata-mata. Tidak dinafikan hukum itu hanya kepada perkara zahir sahaja. Namun dalam dunia moden yang serba mencabar, kesan yang lebih besar perlu dinilai terutamanya yang melibatkan kelestarian kehidupan. Sumber alam yang dinikmati hari ini perlulah dipelihara agar generasi akan datang pula yang akan menikmatinya. Jika kepenggunaan tidak dikawal maka kerosakan akan berlaku dan kelestarian kehidupan juga tidak terjamin. Kajian lanjutan adalah diperlukan agar perspektif hukum-tujuan dapat dibangunkan terutamanya dalam fiqh kepenggunaan ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Bahusayn, Yaqub Abd al-Wahhab (2001). Raf al-Harj fi al-Shariah al-Islamiyyah Dirasah Usuliyyah Ta'siliyyah (edisi ke 4). Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Al-Baalbaki, Ruhi (1996). Al-Mawrid a Modern Arabic-English Dictionary (edisi ke 8). Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin.

Al-Rummani, Zayd ibn Mahmud (1994). Al-Mafahim al-Istihlakiyyah fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyyah. Bil. 153, Jil. 15. Muslim World League: Rabitah al-Alam al-Islami.

- Chan NW (2004) Ecotourism: issues and challenges. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Haron Din. 1990. Manusia dan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mustafa et al. (t.t). Al-Mujam al-Wasit. Majmaal-Lughah alArabiyyah (tahqiq). T.tp : Dar al-Da'wah.
- 'Imaduddin & Noor Shakirah. 2016. "Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar," Afkar. Vol. 18 Issue 1.
- Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., & Ab Rahman, S. (2011). Ijtihad Kontemporari Dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa Di Malaysia. In *International Conference on Creativity and Innovation for Sustainable Development 2011, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia* (pp. 1-15).
- Jasiman Ahmad. 2003. Pencemaran Alam Sekitar, Kuala Lumpur: Jade Green Publication Sdn Bhd.
- Kamus Dwibahasa (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar Meerangani. 2018. "Kepentingan Menjaga Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah". Isu-isu Semasa Islam dan Sains.
- Mahaiyadin, M. H., & Osman, M. R. (t.t.) Kerangka Fiqh Kepenggunaan dan Rekonstruksinya Di Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001), "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun", dalam Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (eds.), Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun. c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam
- Muhammad Ghufroon.2010. Fiqh Lingkungan. Jurnal al-Ulum. Gorontalo: AIAN.
- Mohd Bakri Ishak dan Azmi Sharom. 2007. Undang-undang alam sekitar, Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia. Jil. 8.
- Noor Shakirah Mat Akhir. 2004. Rohani Manusia dan Alam Sekitar dari Perspektif Islam, Jurnal IKIM, 12(2).
- Noresah Baharom et al. (edit) (2013). Kamus Dewan (edisi ke 4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2009). Paradigma Wasatiyyah dan Dailog Peradaban: Satu Analisis", Jurnal Peradaban, Pusat Dailog Peradaban UM, v.2, 2009 dalam Rahimi AffandiAbdul Rahim "Merekonstruksikan Metodologi Konsep Fiqh Kepenggunaan Islam".
- Shahidan Shafie (2004), "Halal & Science—Issues & Challenges", (Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Sains, Teknologi dan Masyarakat pada 10-11 Disember 2004, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999). Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun. Kuala Lumpur: Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 1997.
- Smith, K. 1996. Environmental Hazards: Assessing Risk and Reducing Disaster. London: Routledge.
- Sungit, F., Mohd Deni, M. I., Abdullah, M., & Syahwahid, F. (2020). Concepts and practices of Halalan Tayyiban in the Islamic manufacturing practice (IMP): an analysis from Syariah perspective. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 4, 214-229.
- Sungit, F., Mokhtar, R., & Som, H. M. (2021). Kelestarian Alam Sekitar Dan Pemeliharaannya Menurut Maqasid Syariah.
- Surtahman Kastin Hassan (1993), Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Weng TK, Mazlin M (2011) Emerging issues towards sustainable river basin management in Cameron Highlands, Malaysia. *Environment and Natural Resources* 9 (2), 58-68.
- Yusuf Al Qardhawi. 2001. *Islam Agama Ramah Lingkungan*, Terjemahan Abdullah Hakim Shah. Jakarta; Pustaka Al-Kautsar.